

## Institusi Kemasyarakatan Sebagai Katalis Keintelektualan Menurut Pemikiran Peradaban Malik Bennabi<sup>11</sup>

*Social Institution As A Catalyst of Intellectualization From Malik Bennabi's  
Thoughts*

Khairiah Mohd Yassin<sup>22</sup>  
Universiti Malaysia Sabah

### **Abstrak**

*Malik Bennabi merupakan seorang tokoh wacana peradaban dari dunia Islam yang mewarnai dunia keintelektualan pada abad ke-20. Ketokohan beliau dalam bidang peradaban diakui rakan sesarjana semasa dan selepas hayatnya sama ada dari dunia Timur mahupun Barat berdasarkan kerelevanan ideanya tentang teori kitaran peradaban. Pemikiran peradabannya menekankan elemen manusia dan kemanusiaan yang secara tidak langsung memfokuskan secara khusus terhadap aspek masyarakat dan kemasyarakatan. Dengan menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya, analisis tekstual hasil garapan Bennabi akan diperhalusi dengan serincinya. Untuk itu, kajian ini diusahakan dalam meneliti secara khusus mengenai peranan institusi masyarakat pada sisi peradaban manusia. Konteks perbincangan yang ditekankan dalam kertas kerja ini ialah teori masyarakat serta nilai pentingnya institusi tersebut kepada pembangunan peradaban dari perspektif Bennabi. Pemfokusan tersebut menjurus kepada kepentingan masyarakat sebagai sebuah institusi yang menjadi nadi penggerak serta berfungsi sebagai katalis keintelektualan. Ini kerana manusia sebagai insan berperadaban berperanan penting sama ada dalam usaha membangunkan peradabannya, atau pun sebaliknya. Ia berkait rapat dengan nilai intelek yang terbentuk dalam diri, secara realistiknya dipengaruhi oleh pendidikan reseptifnya, atau pengaruh individu atau masyarakat di persekitarannya.*

*Kata kunci: institusi masyarakat, katalis keintelektualan, pembangunan kemanusiaan, pemikiran peradaban, Malik Bennabi*

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja ini telah dibentangkan di *Seminar Serantau Pemikiran dan Peradaban Islam* anjuran Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), yang berlangsung pada 27-28 Oktober 2014 di The Everly Hotel, Putrajaya. Terdapat beberapa penambahbaikan termasuk tambahan satu subtopik iaitu *Berukisme, Bennabi dan Falsafah Pendidikan Negara* dalam kertas kerja ini untuk tujuan penerbitan dalam jurnal.

<sup>2</sup> Corresponding author : Khairiah Mohd Yassin, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, e-mail : kayemwai\_28383@yahoo.com

### **Abstract**

*Malik Bennabi is a scholar of civilization from the Muslim world that shades the intellectual world in the 20th century. His reputation in the field of civilization is recognized by other scholars during and after his lifetime, either from the Eastern or Western world based on his relevant ideas about the theory of civilization. His thought of civilization emphasizes the elements of human and humanity which indirectly focuses on social and socialization aspect. Based on qualitative method, full library research which applied the textual analysis for the analysis of Bennabi's thought is used. Hence, this article describes the role of social institution from the perspectives of human civilization. The discussion emphasizes the theory of social and the importance of this institution in the development of civilization. The emphasis focuses on the role of social institution as a catalyst of intellectualization. The reason is, human being as the element of civilization have an important role either to develop or destroy their own civilization. It is closely related to intellectual value that has developed within oneself, and realistically influenced by education or individual/ social in their surroundings.*

*Keywords: social institution, catalyst of intellectualization, human development, civilization thought, Malik Bennabi*

### **PENGENALAN**

Peradaban ditegaskan Bennabi sebagai “satu pembinaan, satu seni bina” (Bennabi,1991:90). Proses pembinaan tersebut sama ada telah dibina atau sedang dibina di setiap pelosok dunia adalah bertitik-tolak daripada peranan yang dimainkan oleh institusi masyarakat. Mereka mengembleng tenaga dan akal fikiran untuk mendirikan sebuah kehidupan berperadaban pada zaman futuristik.

Namun terbit beberapa persoalan di sini, seperti apakah teori kitaran yang diperkenalkan Bennabi dalam konteks peradaban? Apakah perkaitan teori tersebut dengan konsep masyarakat dan kemasyarakatannya? Bagaimanakah masyarakat sebagai sebuah institusi yang bertunjangkan kemanusiaan berperanan sebagai katalis keintelektualan?

Dalam usaha merungkai setiap persoalan tersebut, dua objektif utama dikemukakan dalam kajian ini. Pertamanya ialah mengupas secara tuntas konsep masyarakat dan kemasyarakatan sebagai aspek utama yang melatari pembentukan peradaban. Keduanya ialah menganalisis elemen serta nilai dalam institusi kemasyarakatan yang menjadi pemangkin dalam proses keintelektualan. Dua objektif tersebut dibincangkan berdasarkan penganalisaan berfokus terhadap pemikiran peradaban Bennabi.

### KONSEP MASYARAKAT DAN KEMASYARAKATAN BENNABI

Bennabi mengusulkan bahawa “manusia ialah asas kepada keadaan semua peradaban dan peradaban sentiasa menentukan keadaan manusia.” (Bennabi, 1991:178). Usul tersebut merupakan teori kitaran peradaban yang berasaskan proses timbal balik antara manusia dengan peradabannya. Asasnya di sini ialah manusia bertanggungjawab dalam proses pembentukan peradabannya dari satu sudut. Dari satu sudut yang lain pula, peradaban yang melingkari dirinya juga berkemampuan mempengaruhi pembentukan dirinya sebagai individu dan anggota sesebuah masyarakat.

Seterusnya, pemfokusan teori kitaran Bennabi merujuk kepada teori masyarakatnya. Sebelum itu, penjelasan ringkas mengenai konsep masyarakatnya perlu dihurai terlebih dahulu. Masyarakat dalam konteks kajian ini merujuk kepada manusia yang secara umumnya dimaknai sebagai “kumpulan manusia yang hidup bersama, pergaulan hidup dan hidup bermasyarakat (Teuku Iskandar, 1970:718; *Kamus Dewan*, 2010:1004). Ini kerana, menurut Ibn Khaldun “manusia itu tidak boleh hidup tanpa organisasi sosialnya” (Ibn Khaldun, 2004:1). Daripada makna tersebut jelas bahawa terdapat beberapa nilai yang melatari sebuah masyarakat, iaitu perkumpulan, pergaulan, perkongsian dalam sesebuah kehidupan antara sesama manusia. Setiap nilai tersebut bertitik tolak daripada proses perkenalan, seperti yang difirmankan oleh Allah SWT yang bermakna:

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan.*

(al-Hujurat : 13)

Masyarakat dari sudut pandang Bennabi pula ialah suatu rangkaian perhubungan di antara sesama manusia yang terbentuk khusus melalui proses pembinaan perkahwinan dan keluarga yang akan mewujudkan masyarakat (Bennabi, 2002:59). Setiap masyarakat terdiri daripada individu dan gugusan sosialnya, kedua-duanya merupakan unsur penting dalam sebuah institusi sosial (Bennabi, 1984:81). Dalam konteks ini Bennabi turut menegaskan bahawa nilai manusia sesebuah peradaban merujuk kepada kebolehannya berperanan dalam melakukan perubahan terhadap masyarakat di sekelilingnya. Albelaziz Berghout (2013) menyatakan bahawa peranan yang dimaksudkan Bennabi ialah *to construct a social context that would allow the members of the society to enjoy the fruits of their civilization*. Peranan tersebut membuktikan bahawa manusia sebagai individu bersama masyarakatnya mempunyai suatu pertalian yang erat dalam konteks peradaban.

Keterkaitan dan perhubungan antara individu dan masyarakat pernah diumpamakan oleh Nabi Muhammad SAW seperti anggota tubuh badan manusia yang sentiasa berhubung dan bergantung antara satu sama lain. Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

*Umpama orang Mukmin dengan saudara seagama dalam kasih sayang dan saling tolong menolong adalah seperti sebatang tubuh, apabila salah satu anggota tubuh itu mengadu kesakitan, maka semua anggota yang lain akan merasai kesakitan itu dan berjaga malam.*

(al-Hadith Riwayat Muslim, Hadith No. 6751:1099).

Susulan daripada hadis Baginda SAW di atas, menjelaskan rangkuman dua prinsip utama yang mendasari konsep masyarakat dan kemasyarakatan Bennabi. Prinsip tersebut merupakan prinsip asas kemasyarakatan Islam, iaitu prinsip persaudaraan dan tolong-menolong.

- i. Pertamanya ialah prinsip persaudaraan, iaitu ikatan yang dibentuk melalui sikap saling kasih mengasihi serta mengambil berat sesama ahli dalam komuniti atau kelompok masyarakatnya. Pembentukan sikap kasih sayang serta penanaman nilai keprihatinan dalam diri setiap individu dengan anggota masyarakatnya dapat menjadi alat atau pengantara untuk melakukan proses perubahan dan pembinaan masyarakat yang ideal dalam peradaban.
- ii. Keduanya ialah prinsip tolong-menolong, iaitu asas yang dapat menguatkan antara sesama anggota dalam masyarakatnya. Nilai yang mengakari prinsip kedua ini ialah keikhlasan dan kejujuran dalam melaksanakan kewajibannya sebagai anggota masyarakat. Ikhlas ketika menghulurkan bantuan yang tidak mengutamakan atau menginginkan sebarang imbuhan atau balasan. Selain jujur ketika memberi atau menerima bantuan, iaitu tidak mengkhianati anggota masyarakatnya yang lain. Dua prinsip yang turut dipegang Bennabi tersebut berpaksikan kepada saranan Allah SWT agar saling tolong menolong pada jalan kebaikan dan ketakwaan (“Dan tolong menolonglah kamu di jalan kebaikan dan takwa...”; Terjemahan *Surah al-Maidah* [5]:2).

Daripada makna serta prinsip kemasyarakatan tersebut, Bennabi turut menekankan kitaran perkembangan manusia sebagai anggota masyarakat. Ini kerana manusia sebagai individu dan anggota sebuah masyarakat pasti melalui proses perkembangan demi perkembangan pada beberapa tahap atau peringkat umur dalam kehidupannya. Perkembangan tersebut terdiri daripada

tiga peringkat umur yang berasaskan tiga alam. (Bennabi, 2006:51-56; Bennabi, 1994:19-20; Ammar Talibi, 1991:5-6, Moh. Nurhakim (t.t):140<sup>3</sup>).

**i. Alam Benda (*'alam al-ashya'/le monde des choses*)**

Suatu alam yang bermula pada peringkat kelahiran manusia yang dikenali sebagai bayi sehingga usianya mencecah dua atau tiga tahun. Pada peringkat umur ini, seseorang bayi tidak mengenali manusia yang berada di sekelilingnya dan tidak memahami dengan baik sesuatu benda, bentuk serta idea yang sentiasa berinteraksi di sekelilingnya. Namun pada peringkat ini, setiap bayi cuba meneroka dunianya dengan menggunakan mulut, tangan dan jari.

**ii. Alam Individu (*'alam al-ashkhas/le monde des personnes*)**

Alam kedua yang bermula pada peringkat kanak-kanak iaitu pada usia tiga hingga enam tahun apabila mereka mula berinteraksi dengan manusia di sekeliling mereka. Kanak-kanak pada peringkat ini akan mula membentuk perhubungan sosial dan emosinya dengan manusia yang lain. Pembangunan mental dan tingkah laku sosialnya terhadap norma dan nilai-nilai sosial terbentuk berdasarkan interaksi dengan manusia di sekelilingnya.

**iii. Alam Idea (*'alam al-afkar/le monde des idées*)**

Alam seterusnya yang bermula pada tahap kematangan seseorang kanak-kanak iaitu pada usia tujuh tahun dan berterusan sehingga usianya menginjak dewasa dan mencapai usia tua, di mana mereka pada tahap ini memasuki suatu fasa pemikiran yang kognitif serta menghargai konsep-konsep yang abstrak. Pada peringkat ini, Bennabi percaya bahawa seseorang yang matang tidak kira kanak-kanak, remaja atau golongan dewasa akan membina alam idea mereka sendiri dan membentuk kebolehan masing-masing dalam membangunkan budaya dan kecemerlangan ideologi.

Di sini ingin dinyatakan bahawa tiga alam di atas telah memperlihatkan keunikan idea Bennabi. Ini kerana tiga alam tersebut merupakan aturan dalam perkembangan manusia secara bertahap mengikut peringkat umur, iaitu sejak di peringkat bayi sehingga menganjak dewasa. Menariknya, aturan tiga alam tersebut dalam perkembangan kemanusiaan secara individunya sangat kuat dipengaruhi oleh proses interaksinya dengan alam sekeliling, sama ada melalui sentuhan, pergaulan atau pemikiran.

Selain itu, daripada tiga tahap umur yang berasaskan tiga alam tersebut

---

3 Moh. Nurhakim (t.th.) menggelarkan tiga peringkat perkembangan manusia sebagai tiga tangga atau masa: masa materi, masa tokoh dan masa idea.

juga turut mempengaruhi pembentukan dan perkembangan institusi kemasyarakatan dalam sejarah peradaban manusia. Sejarah seperti ditegaskan Bennabi *reveals the existence of three stages*, yang merujuk kepada tahap pemeringkatan masyarakat, iaitu masyarakat praperadaban, peradaban dan pascaperadaban. Tiga tahap perkembangan masyarakat tersebut turut berkaitan dengan tiga alam utama di atas. Ia dapat difahami melalui penjelasan seperti mana yang dihurai berikutnya. (Bennabi, 2002:20-24; Bennabi, 2006:53-56; Fawzia Bariun, 1993:124-126).

**i. Masyarakat praperadaban (*al-Mujtama' qabla al-hadarah/celle de la société pré-civilisée*)**

Manusia pada peringkat ini dikenali sebagai masyarakat primitif seperti masyarakat Arab Jahiliyyah (*société djahilienne*). Mereka dalam pengkategorian ini dicirikan sebagai berfikiran tidak matang terhadap alam benda, individu dan idea. Ini kerana pada alam benda, masyarakat praperadaban membina kepercayaan terhadap sesuatu yang tidak bernyawa seperti patung berhala. Dilihat pada alam individu, mereka hanya membentuk pergaulan dengan masyarakat yang terdiri daripada kaum kerabat serta golongan atasan mereka sahaja. Manakala pada alam idea, mereka menghasilkan sajak atau puisi yang mengangkat martabat dan maruah diri sendiri yang menjadi kemegahan mereka.

**ii. Masyarakat peradaban (*al-Mujtama' al-mutahaddir/celle de la société civilisée*)**

Manusia pada peringkat ini bermula seiring dengan kemunculan idea-idea baru yang efektif dan bernas seiring dengan kedatangan agama Islam. Masyarakat pada peringkat ini berinteraksi dengan alam benda, individu dan idea berasaskan nilai-nilai Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW Pada alam benda, mereka membentuk dan menakluki setiap benda di sekeliling untuk melahirkan idea-idea yang berkualiti sejajar dengan Islam (Bennabi,1987:45). Seterusnya pada alam individu, mereka membentuk pergaulan yang luas dan unik berasaskan persaudaraan di atas landasan Islam seperti golongan Muhajirun (*Mouhadjirines*) dan Ansar (*Ançars*). Manakala pada alam idea, mereka membangunkannya berasaskan prinsip Islam merangkumi setiap aspek kehidupan seperti sosial dan ekonomi.

**iii. Masyarakat pascaperadaban (*al-Mujtama' ba'da al-hadarah/ celle de la société post-civilisée*)**

Manusia pada peringkat ini mula mengalami kemerosotan akibat daripada idea-idea pemikiran mereka yang amat dahsyat dan merosakkan. Pada alam benda, manusia di peringkat ini begitu memuja kebendaan dan menitikberatkannya melebihi segala-galanya dalam kehidupan. Seterusnya

pada alam individu, mereka semakin hilang nilai keaslian dan sistem kemanusiaan yang berasaskan Islam. Manakala pada alam idea, kebudayaan materialisme semakin berkembang berleluasa dalam mandala kehidupan mereka.

Pengkategorian masyarakat secara berperingkat tersebut disandarkan kepada ciri khusus yang menjadi keunikan masyarakat terbabit. Masyarakat yang difokuskan Bennabi dalam pengkategorian ini hanya merujuk kepada masyarakat Timur dari segi kedudukan geografinya, kemudiannya masyarakat yang pemfokusannya berpaksikan Islam sebagai teras ketamadunannya. Tiga masyarakat yang ditekankan Bennabi ialah masyarakat praperadaban yang dilambangkan kepada masyarakat jahiliyyah di Semenanjung Arab; masyarakat peradaban yang dicirikan sebagai golongan masyarakat Islam terawal yang memaknakan konsep *iqra'* sehingga berjaya menggapai kecemerlangan dan kegemilangan dalam segenap aspek kehidupan - khususnya dari segi moral, akhlak dan etika; masyarakat pascaperadaban, iaitu masyarakat Islam selepas era pemerintahan Bani Abbasiyyah yang lebih mementingkan nilai kebendaan dan kemewahan duniawi<sup>4</sup>.

Kajian ini mendapati bahawa pengkategorian masyarakat berlapis tiga tahap perkembangan di atas adalah bertitik tolak daripada teori perkembangan masyarakat Ibn Khaldun. Ia berasaskan teori masyarakat Ibn Khaldun dalam konteks kesejarahan yang merujuk kepada dua tahap utama, iaitu *badawi*/primitif dan *umran*/bertamadun (Ibn Khaldun, 2004: 161-167, Muhsin Mahdi, 2006:193-204). Di sini bezanya Bennabi dan Ibn Khaldun kerana Bennabi mengetengahkan tahap perkembangan masyarakat berasaskan tiga peringkat, iaitu praperadaban, peradaban dan pascaperadaban (Bennabi, 1991:51).

Namun asasnya teori Bennabi tersebut ialah berdasarkan teori Ibn Khaldun tentang tahap-tahap perkembangan dalam pengkategorian masyarakat bertamadun. Pertamanya, merujuk kepada tahap pembentukan, iaitu tahap perkembangan dan pertumbuhan yang progresif pada sesebuah peradaban (masyarakat praperadaban dalam konteks Bennabi). Keduanya ialah tahap kemuncak yang merupakan titik teratas dan had semulajadi yang tidak boleh dicapai selepasnya - masyarakat peradaban dalam konteks Bennabi. Ketiganya pula merujuk kepada tahap kemunduran atau kemerosotan, iaitu titik kejatuhan sebuah tamadun (masyarakat) akibat pengaruhnya yang

---

4 Masyarakat Islam yang dikategorikan oleh Bennabi di sini ialah masyarakat selepas pemerintahan al-Muwahhidin. Al-Muwahhid merupakan pemerintahan Islam yang mendominasi Afrika Utara dan Sepanyol pada abad ke-10 – 11, iaitu dari tahun 1130 hingga 1260 (Bennabi, 2003; Hassan I.H, 1996).

semakin melemah dan menghilang (masyarakat pasca peradaban dalam konteks Bennabi).

Secara umumnya, masyarakat merupakan entiti dinamik yang akan mengalami perubahan demi perubahan berdasarkan pengaruh yang diterimanya. Namun untuk menjadi sebuah masyarakat yang ideal dalam konteks peradaban ialah mereka yang sentiasa berusaha membangunkan dan memajukan diri serta institusi kemasyarakatannya dalam semua aspek kehidupan termasuk dalam konteks keilmuan dan keintelektualan.

### **INSTITUSI MASYARAKAT SEBAGAI MERCU SUAR PEMBANGUNAN KEINTELEKTUALAN**

Setelah menelusuri konsep masyarakat dan kemasyarakatan Bennabi, berikut ialah pemaparan berkenaan faham masyarakat sebagai sebuah institusi dalam membangunkan bidang keintelektualan. Persoalannya, apa yang difahami oleh Bennabi sebagai intelektual dan keintelektualan? Berdasarkan persoalan tersebut, dijelaskan bahawa intelektual pada Bennabi merujuk kepada proses penggunaan akal fikiran dalam melahirkan pelbagai idea untuk membangunkan kehidupan serta menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku, khususnya membabitkan permasalahan masyarakat. Penggunaan akal turut berkeupayaan menghasilkan dan membangunkan peradaban. Ini disebabkan peradaban merupakan suatu produk yang dihasilkan oleh manusia melalui akal fikiran, selain turut dipengaruhi oleh keadaan di sekeliling mereka (Bennabi, 2003:3-5).

Pembangunan keintelektualan menurut Bennabi bermaksud suatu proses membangunkan tiga alam utama, iaitu alam benda, individu dan idea melalui perhubungan manusia dengan alam persekitarannya dan perhubungan manusia sesama manusia. Bennabi turut menyatakan bahawa pembangunan keintelektualan merupakan nadi kehidupan manusia dan tanpanya manusia dianggap mati atau tidak berfungsi kepada kehidupan mereka kerana individu dan masyarakat lahir bersama proses keintelektualan (Bennabi, 1984:43,50).

Seterusnya, kenapa masyarakat diangkat sebagai institusi yang berperanan sebagai pemangkin dalam proses pembangunan keintelektualan peradaban? Dan bagaimanakah ia berfungsi sebagai mercusuar keintelektualan? Daripada pengamatan kritis yang dilakukan, didapati bahawa manusia merupakan elemen peradaban yang mengangkat institusi kemasyarakatannya sebagai penggerak kepada proses pembangunan dalam bidang keilmuan dan keintelektualan. Sebagai elemen terpenting peradaban, manusia mempunyai nilainya yang tersendiri (bersifat internal dan eksternal) untuk membangunkan dunia keintelektualan pada atau semasa zamannya. Internalnya nilai tersebut kerana ia dimiliki dalam atau pada dirinya sendiri,



iaitu akal dan sikap/ tingkah laku. Eksternal sifatnya kerana nilai tersebut diperoleh dan dipengaruhi daripada lingkungan persekitarannya khususnya daripada proses pendidikan.

Selanjutnya, dalam merungkai persoalan bagaimana masyarakat berfungsi merujuk kepada kaedah yang digunakan masyarakat dalam pembangunan keintelektualan. Kaedah tersebut bertitik tolak daripada aset keintelektualan yang dimilikinya sebagai manusia, iaitu akal dan tingkah laku, selain pendidikan yang menjadikannya sebagai manusia yang berperadaban. Akal merujuk kepada cara fikir individu dan anggota masyarakatnya dalam menghormati dan memartabatkan ilmu dan keilmuan. Tingkah laku pula sebagai penerapan gerak kerja yang bersesuaian dalam bidang keintelektualan. Seterusnya ialah pendidikan sebagai wadah pengantaraan sesama manusia dan anggota masyarakatnya bereskrimen dalam pengimplementasiannya untuk pembangunan keilmuan dan keintelektualan. Berikut ialah analisis deskriptif berkenaan peranan institusi kemasyarakatan dalam bidang keintelektualan.

#### **i. Pengoperasionalan Akal Secara Bijaksana**

Bennabi menegaskan bahawa “untuk mencipta sejarah, sesuatu masyarakat tidak cukup dengan mempunyai keperluan sahaja tetapi harus juga mempunyai tema dan cara penciptaan” (Bennabi, 1991:150). Tema dan cara sesuatu ciptaan yang dimaksudkan Bennabi dapat difahami berkaitan dengan akal fikiran dan kaedah pengaplikasian akal yang diterapkan oleh individu atau anggota masyarakat dalam kehidupan mereka. Pengaplikasian akal dalam menghasilkan sesebuah tema atau sesuatu ciptaan yang menakjubkan pada Bennabi dapat diperolehi berasaskan panduan ketuhanan dan pedoman kenabian (Badrane Benlahcene, 2013:9).

Penegasan tersebut turut membawa makna bahawa manusia dalam setiap institusi kemasyarakatan mencakupi dalam mana-mana peradaban perlu menggunakan akal fikiran secara optimum. Akal yang digunakan bahkan diseimbangkan dengan pedoman wahyu ketuhanan dapat melatih dan mendidik seseorang untuk menjadi seorang yang bijak berfikir. Ini kerana Bennabi menyatakan “...Islam menuntut segala kepintaran(nya)...” sebagai manusia (Bennabi, 2006:86). Bijak berfikir yang dimaksudkan ialah melibatkan kegiatan berfikir secara bersistem dan berpanduan. Sistem dalam konteks ini ialah berfikir secara praktikal dan bertahap, iaitu peringkat demi peringkat mengikut keutamaan dan kepentingan perkara yang difikirkan. Berpanduan pula ialah cara fikir yang dilakukan dengan berpaksikan kepada nilai-nilai keagamaan yang berpandukan al-Quran dan hadis (Bennabi, 1979:30; Badrane Benlahcene, 2013:9).

Penggunaan akal yang dituntut di sini ialah kaedah berfikir yang seimbang, bertujuan untuk memenuhi beberapa kriteria keintelektualan berikut, seperti dijelaskan selanjutnya. Pertamanya ialah penggunaan akal dalam memenuhi tuntutan kalimah *iqra'*. Perkataan yang membawa maksud “bacalah” itu cukup signifikan dalam konteks keilmuan. Ini berdasarkan catatan sejarah yang menyaksikan perkataan tersebut merupakan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantara malaikat Jibril. Berbekalkan wahyu pertama tersebut, Baginda SAW telah menyebarkannya kepada orang yang berdekatan dengannya, seperti isterinya Khadijah Binti Khuwailid, sahabatnya Abu Bakar al-Siddiq dan beberapa kenalan lain, lantas sehingga akhirnya berjaya membentuk masyarakat yang disinari dengan limpahan cahaya keilmuan. Sesungguhnya, keajaiban kalimah tersebut terbukti apabila masyarakat yang jahil dan cetek ilmunya telah bersinar sebagai masyarakat yang berilmu pengetahuan. Masyarakat berilmu hasil daripada didikan Nabi Muhammad SAW tersebut telah membangunkan peradaban barunya yang tersendiri, dengan memberi penumpuan yang serius terhadap alam fikir dan kegiatan keintelektualan (Bennabi, 2003:20-21)<sup>5</sup>.

Keduanya ialah penyerapan cara fikir yang memartabatkan nilai ilmu dan ilmuwan. Setiap manusia dituntut dengan segala kudrat akalnya untuk sentiasa berfikir dalam menilai akan kepentingan ilmu dan golongan ilmuwan. Cara fikir dalam konteks ini digelar Bennabi sebagai “fasa intelektual” (Bennabi, 2003:11). Gugusan ayat al-Qur’an berikut merupakan landasan asas kepada manusia untuk melakukan proses penilaian terhadap seluruh aspek kehidupan berperadabannya. Misalnya, “Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui [berilmu] dan orang-orang yang tidak mengetahui [tidak berilmu]?” Terjemahan *Surah al-Zumar* (39):9, serta ayat-Nya yang lain yang bermaksud “...supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat...” Terjemahan *Surah al-Mujadalah* (58):11.

Gagasan daripada ayat al-Qur’an tersebut menuntut agar manusia bersamasama anggota masyarakatnya supaya menggunakan akal fikirnya secara bijaksana. Kebijaksanaannya dapat diasah dengan ketajaman pemikiran

---

5 Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah mendidik masyarakatnya tentang nilai ilmu pengetahuan. Didikan tersebut diterjemahkan melalui kata-kata Baginda SAW, iaitu: “Carilah ilmu, kerana orang yang memperolehnya di jalan Allah melakukan pekerjaan bakti; sesiapa yang berbicara tentang ilmu, memuji Tuhan; sesiapa yang mencarinya, memuja Tuhan; sesiapa yang mengajarkannya, memberi sedekah; dan sesiapa yang menyampaikannya kepada tujuannya yang tepat, mengabdikan kepada Tuhan. Ilmu memberikan kepada yang memilikinya, pengetahuan untuk membezakan apa-apa yang terlarang dan apa-apa yang tidak.”

melalui pelaksanaan kewajibannya sebagai khalifah Allah khususnya dalam kegiatan keilmuan dan keintelektualan. Hanya dengan ilmu, manusia akan memahami pelbagai perkara termasuk segala penciptaan Allah Ta'ala seperti alam semesta, kejadian manusia, serta makhluk-Nya yang lain. Dengan ilmu juga manusia layak mendapat pengiktirafan yang tersendiri di sisi Allah Ta'ala, dengan penganugerahan darjat teristimewa di sisi-Nya. Daripada penilaian tentang kepentingan ilmu tersebut menyebabkan Islam mewajibkan setiap manusia sama ada lelaki atau perempuan supaya menggali ilmu dengan sedalam dan sebanyak mungkin.

Untuk itu, setiap institusi kemasyarakatan amat dituntut agar mendorong dan menggalakkan sesama ahlinya agar sentiasa berusaha menggali dan mencari ilmu. Proses penggalian dan pencarian ilmu merupakan suatu usaha yang dapat dilaksanakan dalam institusi kemasyarakatan (khususnya masyarakat Islam) untuk memartabatkan ilmu dan keilmuan, serta memberi penghormatan yang sewajarnya kepada golongan ilmuwan. Usaha ini sebenarnya ialah suatu kaedah keintelektualan yang dapat merubah nasib dan keadaan asal masyarakat (Islam khususnya) yang lemah, mundur dan terkebelakang; perubahan kepada suatu fasa yang lebih baik, iaitu nasib dan keadaan masyarakatnya yang menjadi kuat, maju dan terkehadapan.

#### **ii. Pengorientasian Gerak Kerja Bermatlamatkan Mutiara Keilmuan**

Dalam konteks ini, merujuk kepada cara bertingkah laku dalam bidang keilmuan yang memberi penekanan kepada usaha setiap individu dan anggota masyarakat. Ia bersandarkan hadith Nabi Muhammad SAW yang diketengahkan Bennabi berkenaan nilai usaha daripada keinginan dan kemahuan diri sendiri. Sabda Baginda SAW yang bermaksud:

*“Tiada makanan apa pun yang paling baik untuk dimakan seseorang kecuali yang dihasilkan oleh tangannya sendiri, dan bahawasanya Nabi Allah Daud a.s. makan dari hasil tangannya sendiri.”*

(al-Hadith Riwayat Al-Bukhari, Hadith No. 2111: 387)

Tegas Bennabi lagi bahawa dalam konteks sosial “setiap usaha mempunyai hasilnya dan apabila hasil terkumpul...maka seseorang akan mendapati bahawa tugas yang hendak dilaksanakan akan lebih berkesan dan berkekalan daripada sesuatu hak yang hendak dituntut” (Bennabi, 1991:155).

Kerja merupakan suatu tingkah laku yang berkemampuan untuk menggerakkan sesuatu benda atau perkara kepada tujuannya yang sebenar. Kerja yang diorientasikan dalam sesebuah masyarakat pula ialah menggembelng daya usaha bersama-sama pada satu arah. Arah yang dapat difahami di sini ialah tujuan. Tujuan yang didambakan ialah kemajuan atau

kejayaan yang digapai bersama dalam proses pembangunan kehidupan. Ini bersandarkan pernyataan Bennabi bahawa “orientasi kerja ialah himpunan dari semua usaha dalam mengubah keadaan manusia”, yang antara lain turut bertujuan untuk “memberi kehidupan kepada setiap orang” (Bennabi, 1995:117).

Orientasi kerja yang dimaksudkan Bennabi dalam konteks keintelektualan ialah cara bertingkah laku dalam bidang keintelektualan khususnya dalam proses pencarian dan penyebaran ilmu. Cara bertingkah laku yang bersesuaian di sini ialah daya usaha seseorang bersama anggota masyarakatnya yang bergerak dengan bermatlamatkan mutiara keilmuan. Matlamat tersebut dapat dipenuhi apabila daya usahanya diterapkan dengan nilai moral yang utuh dalam diri. Ini bersesuaian dengan peringatan Bennabi akan peri pentingnya penyerapan moral dalam gerak laku masyarakat kerana apabila berlaku “kelumpuhan moral” dalam diri akan “boleh menyebabkan kelumpuhan intelek” dalam masyarakat. Tegas Bennabi lagi, “apabila seseorang berhenti berusaha menyempurnakan moral dirinya, ia juga berhenti daripada mengubah keadaan kehidupannya” (Bennabi, 1991:105). Penegasan Bennabi tersebut menjelaskan peri pentingnya elemen moral kerana ia menjadi suatu penanda aras kepada kemajuan atau kemunduran bangsa manusia. (Mohamed El-Tahir El-Mesawi, 2006:231).

Ingin ditegaskan juga di sini bahawa idea pengorientasian kerja Bennabi dapat diaplikasikan dalam proses pementapan bidang keintelektualan masyarakat berperadaban. Ia digerakkan secara bersama oleh anggota masyarakat dalam memaknakan nilai keilmuan kepada diri mereka sendiri serta untuk warisan generasi mendatang. Untuk itu, kajian ini mengemukakan gerak kerja yang ideal serta realistik diaplikasikan, berdasarkan dua pertimbangan.

Pertamanya ialah menggiatkan kegiatan keilmuan. Kegiatan bersifat keilmuan tersebut memfokuskan kepada proses pencarian dan penyebaran ilmu, iaitu rangkuman daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Pada hemat Bennabi, “mengajarkan dan menerima pelajaran” adalah suatu gerak kerja [yang bersifat ilmiah] (Bennabi, 1991:117). Mengajar merupakan tanggungjawab golongan ilmuwan seperti ulama’, guru, pensyarah dan ahli akademik. Tugas menerima pelajaran pula ialah kewajipan semua pihak pada setiap peringkat umur tanpa mengenal warna kulit, bangsa mahupun gender. Selanjutnya, masyarakat juga perlu menerokai secara mengakar kepelbagaian ilmu pengetahuan. Dalam proses penerokaan ilmu, Bennabi sangat menuntut agar masyarakat mendalami antaranya “sains moral, sosial dan psikologi” kerana ilmu tersebut sifatnya dapat mendidik jiwa secara mendalam (Bennabi, 2006:75). Ilmu tersebut umumnya perlu selaras dengan

al-Qur'an dan al-Hadith di samping turut menekankan tentang kepentingan aspek moral dan spiritual.

Keduanya, memperkasakan dan memantapkan kegiatan penyelidikan dan pengkajian dalam pelbagai bidang keilmuan. Golongan masyarakat yang terpelajar, khususnya di sekolah, kolej dan universiti disarankan untuk membudayakan kegiatan yang bersifat penyelidikan dan pengkajian ilmiah. Dalam konteks ini, Bennabi menekankan penyelidikan yang lebih memfokuskan kepada bidang sains sosial. Ia bertujuan melaksanakan usaha pencarian dan penyelesaian pelbagai permasalahan masyarakat (khususnya masyarakat Islam). Permasalahan yang sering dan masih melanda masyarakat seluruh dunia (termasuk masyarakat di Timur Tengah, Asia dan Afrika) seperti kemiskinan, kemunduran, buta huruf dan pengangguran – masalah yang terjadi kesan daripada penjajahan Barat (Bennabi, 1979:27-28). Setiap permasalahan yang berlaku tersebut memerlukan usaha penyelidikan yang gigih, serius dan konsisten agar menemui kaedah penyelesaiannya dengan segera, efisien dan praktikal.

Kajian ini berpandangan bahawa nilai penting dalam pelaksanaan setiap kegiatan ilmiah tersebut (mengajar dan belajar-menyelidik dan mengkaji) ialah penanaman dan penyuburan semangat, kegiatan pemikiran, keperibadian dan budaya keilmuan. Semangat keilmuan yang dimaksudkan ialah sikap mencintai ilmu pengetahuan dan berusaha gigih untuk memperolehnya. Dua sikap tersebut perlu disemai dalam diri agar masyarakat mempunyai semangat juang yang tinggi, iaitu sentiasa bersedia menerima ilmu dan menyampaikannya kepada sesiapa sahaja yang memerlukan ilmu yang dipelajarinya. Ia bertujuan untuk membentuk rangkaian institusi kemanusiaan yang memiliki mutiara keilmuan yang bersinar, seperti semasa zaman kegemilangan Islam dahulu – zaman pemerintahan Nabi Muhammad SAW - yang kemuncaknya ialah semasa zaman Bani Abbasiyyah.

### iii. Agen Penggerak Dalam Bidang Pendidikan

Persoalannya, kenapa pendidikan? Ini berdasarkan kenyataan Bennabi seperti “lebih sukar untuk mengenal dan melahirkan manusia sesuatu peradaban daripada mengajar seekor beruk mengikat tali leher” (Bennabi, 1991:60), dan tulisan asalnya berbunyi “*plus difficile de connaître et de faire l’homme d’une civilisation d’habituer un singe à porter une carvate*” (Bennabi, 2006:75).

Mengapa Bennabi mengumpamakan seekor haiwan seperti beruk, menjadi satu persoalan di sini? Jika diperhalusi perumpamaan tersebut, kajian ini menyimpulkan bahawa wujud kepayahan dan kesukaran untuk membentuk

manusia yang berperadaban, iaitu yang baik tingkah lakunya serta bijak akal fikirnya. Kesukaran dalam proses pembentukan manusia tersebut tidak sesukar melatih seekor beruk untuk melakukan pelbagai perkara termasuk mengikat tali leher. Ini kerana seekor beruk akan meniru bulat-bulat atau mengikut sepenuhnya apa-apa sahaja yang ditunjukkan kepadanya. Haiwan tersebut merupakan makhluk yang tidak mempunyai akal untuknya berfikir secara mendalam tentang perkara yang sedang dilakukannya serta kesan daripada perbuatannya itu. Keadaan tersebut menunjukkan wujud perbezaan antara manusia dan haiwan, iaitu pemilikan akal dan jiwa yang hanya dikurniakan Allah Ta'ala kepada makhluk bergelar manusia tetapi tidak kepada selain daripadanya (bangsa manusia).

Selain itu, gambaran kesukaran yang diperkatakan Bennabi untuk mewujudkan manusia dalam sebuah peradaban telah menjadi bukti bahawa pendidikan ialah wadah terbaik untuk melahirkan manusia berperadaban. Ini dibuktikan pada zaman kegemilangan awal tamadun Islam, iaitu semasa pemerintahan Nabi Muhammad SAW, kejayaan mendidik masyarakat Arab yang jahil sebelumnya menjadi masyarakat berperadaban yang berilmu pengetahuan (Ahmad Shalaby, 1976:11; Mustafa Haji Daud, 1990:53).

Ini bermakna kesukaran yang diperkatakan Bennabi tersebut sebenarnya adalah dorongan penting kepada manusia untuk memantapkan pendidikan diri dan masyarakatnya. Pendidikan merupakan bidang yang hanya dapat digerakkan secara bersistem dan teratur oleh manusia, bersama dalam institusi kemasyarakatannya. Ini kerana wujud hubungan yang erat antara individu dengan masyarakat di sekelilingnya. Kewujudan perhubungan tersebut menjadi katalis kepada proses saling belajar mempelajari (atau ikut mengikuti) pelbagai perkara antara sesama anggota dalam masyarakat.

Gugusan daripada rantaian kata-kata Bennabi berikutnya dipetik daripada pelbagai karyanya untuk memaparkan penekanan pendidikan kepada manusia serta penglibatan anggota masyarakatnya sebagai agen pendidikan khasnya dalam pembangunan keperibadian insan dan kehidupan berperadaban. Antaranya:

- i. “isi kurikulum yang dilaksanakan bukan hanya sekadar memberikan maklumat” kerana yang penting sekali pada Bennabi ialah memberi “penekanan pembentukan peribadi berwawasan” (Bennabi, 1979: 84-85).
- ii. “pengajaran akhlak atau estetika...dilakukan melalui pendidikan... membolehkannya berfungsi sebagai pengubah.” (Bennabi, 1974:93-94).
- iii. “matlamat bukanlah mengajar manusia supaya mereka bijak berkata-kata atau menulis sesuatu yang indah...tetapi matlamatnya [dalam

- konteks pengajaran] ialah mengajar setiap seorang individu supaya bijak hidup bersama dalam masyarakat dan berperadaban” (Bennabi, 1974:93-94).
- iv. Masyarakat berpengaruh dalam “menentukan perkembangan bakat semulajadi individu” melalui aspek pendidikan (Bennabi, 1979:48).
  - v. Pendidikan sesungguhnya dapat “menumbuhkan pada diri tiap-tiap orang [Islam] perasaan tanggungjawab” (Bennabi, 1971:30).
  - vi. Pendidikan berkemampuan membentuk “aset masyarakat yang berkeupayaan untuk mengatasi masalah kemunduran” (Bennabi, 1974: 99).

Petikan tersebut secara rangkumannya menitikkan tiga elemen utama tentang pendidikan. Pertamanya ialah matlamat pendidikan yang merujuk pada pernyataan pertama, kedua dan ketiga yang umumnya memberi penekanan terhadap pembentukan keperibadian dan keintelektualan manusia. Keduanya ialah agen dalam bidang pendidikan yang merujuk pada pernyataan keempat, iaitu membabitkan penglibatan masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan falsafah dan sistem pendidikan. Ketiganya ialah kesan daripada pendidikan yang merujuk pada pernyataan kelima dan keenam malah dapat diperolehi oleh individu atau masyarakat daripada pelaksanaan proses pendidikan.

Secara keseluruhannya, Bennabi mengakui bahawa manusia bersama kelompok masyarakatnya berperanan penting dalam bidang pendidikan untuk tujuan pembangunan keintelektualan. Peranan tersebut mencakupi kepelbagaian fungsi dan tanggungjawab khususnya dalam usaha memperkasakan sistem pemikiran, bahasa dan penulisan. Kenapa hanya tiga sistem berkenaan? Ini kerana kajian ini berpendirian bahawa tiga sistem tersebut merupakan rangkuman isi penting pada sisi keintelektualan manusia yang dapat dimantapkan melalui pendidikan. Pemantapan tersebut hanya berkeupayaan dilaksanakan oleh institusi masyarakat, berlunaskan tiga sistem termaklum.

i. Pemerksaan sistem pemikiran

Pada Bennabi, sesebuah peradaban itu “is a result of a living dynamic idea”. (Alwi Alatas, 2010:9). Walau bagaimanapun sesebuah bangsa dalam sesuatu peradaban itu ditegaskan Bennabi gagal membangun kerana tidak mempunyai kekayaan, keaslian dan kesegaran idea bukannya kerana ketiadaan pemilikan sumber pembangunan seperti tanah dan sumber alam. Kekurangan idea ini jelas tergambar apabila sesuatu bangsa itu tidak berupaya mengeksploitasikan sumber-sumber yang ada atau pun menghasilkan sesuatu yang baru. Kekurangan ini juga jelas apabila sesuatu bangsa itu gagal menyatakan

masalah yang dihadapi dan tidak tahu cara menyelesaikannya. Keadaan ini terjadi kerana bangsa tersebut tidak bersemangat menangani setiap masalah yang melanda mereka (Bennabi, 1984:67-69; Anwar Ibrahim, 2013:3-4).

Berdasarkan permasalahan tersebut, Bennabi dalam sebuah kitabnya bertajuk, *Hadith fi al-Bina' al-Jadid* menyatakan bahawa sistem pemikiran merupakan suatu sistem yang perlu dibangunkan dan diperkasakan dalam kehidupan masyarakat. Ini kerana masyarakat yang mempunyai keseimbangan dari sudut idea pemikiran akan mudah mencipta pelbagai jenis benda dan barangan, serta boleh maju dalam pelbagai aspek kehidupan merangkumi pekerjaan, keperibadian dan pengetahuan. Misalnya bangsa Jerman, iaitu salah satu bangsa Eropah yang pernah mengalami kejatuhan yang serius akibat Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, mereka terus bertahan dan bangkit semula untuk memulihkan maruah bangsa dan negara dengan menggunakan idea pemikiran yang dimiliki sebaik mungkin serta membentuk kebudayaan mengikut acuan mereka sendiri (Bennabi, 1971:85-86; Fawzia Bariun, 1993:161).

Dalam konteks ini, institusi kemasyarakatan berperanan menggerakkan sistem pemikiran melalui pendidikan. Pendidikan yang diusahakan masyarakat perlu berpaksikan asas agama dan nilai moral yang disepakati dan dipersetujui bersama. Dengan penekanan penting terhadap dua asas tersebut (agama dan moral) dalam setiap proses pendidikan akan dapat membangunkan nilai keintelektualan setiap ahlinya. Nilai keintelektualan yang terbentuk ialah suatu sistem pemikiran yang sistematik dan praktikal. (Bennabi, 1960: 71; Bennabi, 2003:53-54, 57; Bennabi, 2006:71-77).

Sesungguhnya, pemikiran progresif dan dinamik merupakan salah satu sistem yang dibangunkan oleh institusi masyarakat. Sistem yang dibangunkan daripada alam pemikiran merupakan suatu yang bernilai tinggi dalam peradaban melebihi sesuatu yang berbentuk kebendaan kerana pemikiran adalah suatu yang membolehkan seseorang atau sesebuah masyarakat atau sesebuah negara terus bertahan walaupun setelah mengalami kemusnahan yang sangat dahsyat. Seterusnya, daripada pembentukan sistem pemikiran dalam pembangunan keintelektualan akan mempengaruhi perkembangan ilmu dalam masyarakat tersebut.

## ii. Pengukuhan sistem bahasa

Selain pemikiran, Bennabi turut menyatakan bahawa sistem bahasa merupakan salah satu ranah/bidang keintelektualan yang dibangunkan oleh institusi masyarakat. Sistem bahasa yang dimaksudkan ialah suatu proses komunikasi yang melibatkan manusia dengan Penciptanya, sesama manusia dan dengan alam persekitarannya secara langsung atau bersemuka, melalui



tulisan atau lukisan dan sebagainya. Ia akan membentuk suatu percambahan pemikiran progresif dan dinamik dalam kalangan manusia secara meluas serta bernilai tinggi dalam peradaban. Ini kerana setiap proses komunikasi yang berlaku berkait rapat dengan aktiviti keintelektualan manusia (Bennabi, 2006:119-120; Bennabi, 1984:112; Bennabi, 2002:35).

Sesungguhnya manusia bertanggungjawab membentuk, menghasil serta membangunkan sistem bahasa mereka sendiri. Ini dapat dilakukan apabila anggota masyarakat dalam sesebuah institusi terlibat secara langsung dalam proses penggunaan bahasa, khususnya ketika berkomunikasi antara satu sama lain (Bennabi, 2003:39-40,53-54). Hal ini seterusnya menyumbang kepada perkembangan ilmu. Ini jelas daripada kelahiran pelbagai idea dan teori ilmu yang disampaikan melalui puisi, syair, lagu atau kata-kata dengan menggunakan pelbagai bahasa seperti bahasa Arab<sup>6</sup>, ini di samping wujud kegiatan keilmuan dan keintelektualan yang meluas merangkumi aktiviti pembelajaran dan pengajaran (Bennabi, 1984:81-85).

### iii. Pemantapan sistem penulisan

Seterusnya ialah usaha institusi masyarakat dalam memantapkan sistem penulisan. Sistem penulisan merupakan suatu wahana keintelektualan yang dihasilkan oleh manusia dengan kepelbagaian jenis, karakter atau bentuk tertentu yang menggambarkan corak dan gaya berfikir masyarakat dalam sesebuah kebudayaan. Sistem penulisan yang dihasilkan mampu membentuk jati diri seseorang atau sesebuah bangsa dalam membangunkan sistem keintelektualannya yang tersendiri dan bernilai dalam sesebuah peradaban (Bennabi, 2003:43).

Sekiranya ditelusuri catatan sejarah manusia, perkembangan sebuah tamadun bergantung kepada ilmu yang dimiliki oleh masyarakat. Sesuatu ilmu itu tersebar luas dalam kalangan manusia antaranya melalui sistem penulisan. Buktinya, perkembangan keintelektualan masyarakat Islam berkembang pesat semasa zaman Nabi Muhammad SAW (Bennabi, 2001:60). Keadaan ini berlaku apabila Rasulullah SAW sendiri amat mementingkan ilmu

---

6 Bahasa Arab merupakan suatu bahasa yang pernah digunakan dalam kegemilangan tamadun Islam dari abad ketujuh hingga ke-13 Masihi. Bahasa Arab merupakan bahasa agama dan ilmu yang mengandungi pelbagai syair dan puisi Arab yang indah, serta bahasa pengucapan dan perantaraan dalam sebarang kegiatan keintelektualan yang meliputi Asia Barat hingga ke Afrika Utara, Eropah Selatan hingga ke Asia Tengah, Asia Selatan dan Asia Tenggara. Oleh itu, bahasa amat penting untuk terus dibangunkan dan dipelihara dalam kebudayaan disebabkan oleh peranannya dalam memantapkan proses komunikasi serta melancarkan sebarang agenda utama bangsa manusia. Selain itu, bahasa amat penting dalam proses memajukan dan membangunkan negara bangsa khususnya Negara-negara membangun seperti Afrika-Asia (Bennabi, 1984; A. Aziz D, 2002).

pengetahuan, sama ada melalui penulisan atau pun hafalan. Dalam perang Badar misalnya, para tawanan dibenarkan oleh Rasulullah SAW menebus diri mereka sendiri dengan mengajar anak-anak Muslim ilmu dan penulisan (Ibn Hisham, 1995:102).

Dalam konteks ini, manusia memainkan peranan penting bersama-sama anggota masyarakatnya dalam usaha membangunkan dan memantapkan sistem penulisan melalui proses pendidikan. Ini kerana setiap institusi kemasyarakatan yang digerakkan secara bersama oleh anggota-anggotanya berkeupayaan menghasil dan memantapkan kaedah dan sistem penulisan mereka sendiri. Cetusan hasil tulisan dan sistemnya dapat meningkatkan tahap keintelektualan masyarakat tersebut dalam peradaban sejagat (Bennabi, 2003:53-54).

Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa tiga sistem intelektual di atas dapat dimantap dan diperkasakan dalam bidang pendidikan melalui adunan dengan proses pengimarahannya al-Quran. Ini bersandarkan pernyataan Bennabi bahawa “ayat al-Quran digunakan lebih daripada segala-galanya sebagai cara pendidikan dalam latihan intelektual” kerana “al-Quran merupakan kuasa yang agung yang melengkapinya segala-galanya”. Al-Quran begitu sempurna kerana ayatnya dapat dijadikan sebagai senjata untuk berhujah dalam melawan musuh, serta sebagai pendorong untuk menghapuskan setiap kebiasaan dan kegunaan yang tidak bersesuaian dengan tradisi yang mantap. Ia turut mengubah psikologi individu pada dasar kehidupan itu sendiri (Bennabi, 1991:161-162,164). Justeru, manusia bersama kelompok masyarakatnya perlu berusaha menekuni dan meneladani al-Quran sebagai satu ibadah melalui sudut pembacaan, selain menerokai setiap gugusan ayat-ayatnya sebagai suatu proses dalam membina nilai keintelektualan.

Jelas, institusi kemasyarakatan dalam peradaban merupakan katalis dan agen penggerak dalam aspek pendidikan. Dengan ini, masyarakat berperanan mengimplementasikan proses ilmu dan keilmuan, iaitu dengan memantapkan serta memperkasakan tiga sistem intelektual - pemikiran, bahasa dan penulisan. Pemantapan sistem keintelektualan tersebut merupakan usaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan seperti menghapuskan permasalahan kemiskinan, mengatasi kemunduran masyarakat, serta membasmi buta huruf dalam kalangan masyarakat (khususnya masyarakat luar bandar di kebanyakan negara membangun).

### **BENNABI, BERUKISME DAN FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA**

Berukisme merupakan istilah asal-usulnya daripada ungkapan Bennabi. Namun istilah tersebut sekadar sebuah paparan dalam bentuk perumpamaan yang tidak ditakrifkan secara jelas mahupun terperinci oleh Bennabi dalam

mana-mana karya penulisannya. Pada hemat penulis, burukisme itu dapat difahami sebagai suatu simbolik berdasarkan lima penetapan berikut.

Pertama, burukisme itu merupakan simbolisme kepada manusia yang berfikiran sempit dan berpandangan dangkal, bertingkah laku dungu (sehingga sanggup melakukan jenayah seperti membunuh, membuang bayi, merempit, merosakkan harta awam/vandalisme) kerana tidak mahu menerima perubahan positif dan progresif sama ada dalam bentuk keperibadian dan keintelektualan.

Kedua, burukisme itu merujuk kepada simbol manusia yang senang dalam mempertahankan tradisi kolot (misalnya segelintir mereka yang mengamalkan kepercayaan karut-marut) dan identiti lapuk (diumpamakan seperti katak di bawah tempurung iaitu golongan yang bersikap tertutup dalam banyak hal kehidupan) yang tidak mempunyai peranan dan kepentingan terhadap kehidupan berperadaban.

Ketiga, burukisme secara simboliknya ialah manusia yang mengalami kecelaruan dengan identiti dirinya sendiri kerana kegagalan dalam mengenal pasti kelemahan atau keburukan (seperti bersikap pengecut dan bertindak sembrono) mahupun kekuatan atau kebaikan (seperti keberanian bersuara dan bertindak dalam memperjuangkan kebenaran) yang ada pada diri, keluarga serta bangsanya.

Keempat, burukisme ialah simbolisme manusia yang tidak memiliki identiti diri iaitu golongan yang tidak mahu atau enggan untuk mempertahankan hak dan kepentingan diri serta bangsanya di tanah airnya sendiri.

Kelima, burukisme ialah simbol manusia yang mengalami kesongsangan sikap dan pendirian (umpama seperti orang yang sepatutnya menjaga maruah dan mempunyai integriti diri yang tinggi tetapi bertindak sebaliknya (misalnya manusia yang menjual kemerdekaan negara sendiri untuk memperolehi kekayaan yang dijanjikan dengan mengabaikan maruah diri serta melanggar nilai etika kemanusiaan).

Kewujudan manusia sebegini dalam masyarakat menyebabkan Bennabi amat menekankan dua konsep utama dalam penulisannya, iaitu keperibadian - yang menyangkut tentang bakat dan sikap; dan keintelektualan - yang mencakupi intelek diri sebagai individu dan masyarakat. Dua pendekatan tersebut amat ditekankan khasnya dalam konteks pendidikan. Ini kerana melalui pendidikan, proses pematapan pembentukan keperibadian dan keintelektualan dapat dilaksanakan secara komprehensif dan progresif.

Menurut Nakib Aomar dalam tulisannya bertajuk *Malik Bennabi's on Civilization and The Development of Society: Perspectives on Education* (2004), bahawa Bennabi sangat menekankan konsep pembangunan peradaban melalui pembentukan keperibadian dan keintelektualan seseorang. Pembentukan manusia yang berperibadi dan berintelek dapat dikuatkan dan diperkukuhkan melalui pendidikan. Ini kerana proses pendidikan yang dilalui, ditempuhi mahupun diterimanya [sama ada secara formal atau tidak] dapat membentuk jati diri dan personaliti seseorang.

Penekanan Bennabi tentang keperibadian dan keintelektualan dalam konteks pendidikan ada kaitannya dengan falsafah pendidikan negara Malaysia. Ia merujuk kepada konsep JERI - jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini berdasarkan intipati dalam falsafah tersebut iaitu “melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual” (Omar Mohd Hashim, 1991:267). Intipati falsafah ini sebenarnya adalah sebuah paparan penting terhadap pelaksanaan usaha yang giat dan aktif melalui pendidikan untuk melancarkan proses pembentukan manusia yang seimbang (Mahmoud Hamid Al-Migdadi, 2011:12; Mohammad Kaosar Ahmed, 2014:10).

Berdasarkan penekanan dalam pemikiran Bennabi tersebut, didapati bahawa ideanya adalah simbol keuniversalan sejagat. Ini kerana idea pemikirannya boleh atau telah digunapakai dalam falsafah dan sistem pendidikan seluruh dunia termasuk di Malaysia. Buktinya merujuk kepada konsep JERI, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek, ditekankan dalam proses pengaplikasiannya dalam pendidikan masyarakat berperadaban.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa manusia merupakan elemen peradaban yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah institusi masyarakat sekaligus membina rangkaian institusi kemanusiaan yang tersendiri dan unik berdasarkan acuan masyarakat masing-masing. Kewujudan institusi tersebut telah mendorong pembentukan sesebuah peradaban kerana institusi masyarakat secara semulajadinya merupakan nadi penggerak yang khusus dan terutamanya dalam setiap proses pembinaan ketamadunan sejagat.

Seterusnya, institusi kemasyarakatan yang wujud dalam sejarah peradaban diiktiraf peranannya sebagai katalis dalam pembangunan keintelektualan. Buktinya merujuk kepada sejarah awal peradaban manusia seperti tamadun awal Mesir, tamadun Greek dan tamadun Cina, selain tamadun Islam yang berasaskan nilai keagamaan. Tamadun tersebut telah membuktikan kejayaan yang cukup luar biasa dalam konteks keintelektualan kerana terhasilnya sistem penulisan terawal dan tertua (sumbangan khusus masyarakat

awal Mesir), terbentuknya sistem pemikiran yang bersifat kefalsafahan - sumbangan khusus masyarakat Greek, terbangunnya sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan (sumbangan khusus masyarakat Cina), serta terciptanya sistem keintelektualan yang beragam dan menyeluruh yang merangkumi antaranya pemikiran, penulisan, bahasa dan pendidikan: sumbangan khusus masyarakat Islam – semasa pemerintahan Nabi Muhammad SAW sehingga zaman Bani Abbasiyyah.

Dalam usaha memantapkan institusi kemasyarakatan dan pembangunan keintelektualan, masyarakat dalam setiap peradaban perlu bergerak aktif dan berusaha gigih untuk menjayakannya. Setiap masyarakat digalakkan untuk memberi sumbangan keintelektualannya sendiri yang bernilai untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dalam kelompoknya atau masyarakat yang di luar kelompoknya. Masyarakat yang memiliki daya keintelektualan tinggi akan diiktiraf dan disanjung oleh masyarakat lain yang wujud di dunia ini.

Akhirnya dengan mengambil saranan penting Bennabi, setiap masyarakat (khususnya masyarakat Islam) perlu membina identiti peradabannya sendiri tanpa meniru atau meniplak identiti masyarakat lain. Untuk itu, setiap individu perlu melaksanakan tanggungjawabnya sebagai anggota dalam masyarakatnya termasuk dalam bidang keilmuan dan keintelektualan. Hakikatnya, setiap manusia bersama kelompok masyarakatnya diakui berperanan sebagai agen pengubah (termasuk penggerak), berkeupayaan membangunkan masa depan masyarakatnya dari satu sudut, dan dari satu sudut yang lain juga berkemampuan untuk menghancurkan masa depan masyarakatnya sendiri.

#### RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim & Terjemahan Al-Qur'an Al-Karim Rasm 'Uthmani*. (2010). Selangor: Al-Hidayah House of Qur'an Sd. Bhd.
- Malik Bennabi. 1960. *Hadith fi al-Bina' al-Jadid*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. 1971. *Afaq Jazairiyya*. Kaherah: Maktabah 'Ammar.
- \_\_\_\_\_. 1974. *Milad al-Mujtama'*. Lubnan: Dar al-Insha' li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- \_\_\_\_\_. 1974. *Al-Muslim fi 'Alam al-Iqtisad*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- \_\_\_\_\_. 1979. *Shurut al-Nahdah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. 1984. *Mushkilah al-Thaqafah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. 1986. *Mushkilah al-Hadarah Bayna al-Rashad wa al-Tih*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat*. Ismail Ahmad (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- \_\_\_\_\_. 1991. *Fi Mahabb al-Ma'arakah Irhasat al-Thawrah*, c. 4. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. 1994. *The Problem of Ideas In The Muslim World*. Mohamed T. El-Mesawi (terj.). Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd. & California: Dar Hadara.
- \_\_\_\_\_. 2001. *The Qur'anic Phenomenon: An Essay of a Theory on the Qur'an*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- \_\_\_\_\_. 2003. *The Question of Ideas In The Muslim World*. Mohamed El-Tahir El-Mesawi (terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*. Bayrut: Dar Albouraq.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Vocation De L'Islam*. Bayrut : Dar Albouraq.
- A. Aziz Deraman. 2002. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdelaziz Berghout. 2013. "Importance of Religion, Man and Knowledge in Civilizational Development Views of Malik Bennabi and Sa'id Nursi", dalam *Journal of Islam in Asia*, Bil. 10, No. 2: 98-117. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Ahmad Shalaby. 1976. *Masyarakat Islam*. Muchtar Jahja (terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Ali al-Quraisyiy. 1996. *Malik Bin Nabi dan Pergolakan Sosial*. Mohd Sofwan Amrullah (terj.). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Alwi Alatas. 2010. "Malik Bennabi on Civilization", dalam *Tribune Libre*. Hoggar Institute, 28 April 2010.
- Ammar Talibi. 1991. "Fikr Malik Bennabi wa al-Mujtami' al-Islamiy al-Ma'asir" (Kertas Kerja International Seminar On Malek Bennabi di Universiti Malaya, 1-4 September 1991).
- Anwar Ibrahim. 2013. "The Reform of Muslim Education and the Request for Intellectual Renewal" dalam *Keynote Address at the Symposium on Reform of Higher Education in Muslim Societies*. International Institute of Islamic Thought, 9-10 Disember 2013.
- Badrane Benlahcene. 2013. *The Socio-Intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. Virginia, USA: International Institute of Islamic Thought.
- Bukhari, Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah al-. 1994. *Sahih al-Bukhari*, Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Fawzia Bariun. 1993. *Malik Bennabi: His Life And Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Hasan Ibrahim Hasan. 1996. *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'iy*, Jil. 1. Bayrut: Dar al-Jil.
- Ibn Khaldun. 2004. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Qaherah: Dar al-Fajr lil Turath.

- Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maa'firi, Abi Muhammad Abdul Malik Bin Hisham al-. 1995. *al-Sirah al-Nabawiyah*, Jil. 1. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Mahmoud Hamid Al-Migdadi. 2011. "Issues in Islamization of Knowledge, Man and Education" dalam *Revue Académique des sciences humaines et sociales*, n°7-2011: 3-16.
- Mohamed El-Tahir El-Mesawi. 2006. "Religion, Society and Culture in Malik Bennabi's Thought", dalam *BCII2*, Mei 2006: 213-256.
- Mohammad Kaosar Ahmed. 2014. "Perspectives on the Discourse of Islamization of Education" dalam *American Journal of Humanities and Social Sciences*, Vol. 2, No. 1:43-53.
- Moh. Nurhakim. (t.t). *Malik Bennabi dan Strategi Pembangunan Peradaban Alternatif Bagi Dunia Ketiga*, [http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published\\_article/2948/128-148%Mohd.Hakimi.pdf](http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/2948/128-148%Mohd.Hakimi.pdf), hlmn. 128-148.
- Muslim, al-Hafiz al-Hujjah Muslim bin al-Hujjaj bin Muslim bin Wardi bin Kushaza Abu al-Husayn al-Qushayry al-Naysabury al-. 2000. *Sahih al-Imam Muslim*. Jil. 2. Qaherah: Jam'iyah al-Maknaz al-Islamiyy.
- Mustafa Haji Daud. 1990. *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nakib Aomar. 2004. "Malik Bennabi's Ideas on Civilization and the Development of Society: Perspectives on Education". Universiti Putra Malaysia: Tesis Ph.D.
- Omar Mohd Hashim. 1991. *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Syihab. 2009. "Agama dan Perubahan Masyarakat Menurut Malik Bennabi" dalam *Jurnal Afkar*, Bil. 10: 129-171. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.